

**PENUBUHAN DAN PENDAFTARAN
INSTITUSI PENDIDIKAN ISLAM SWASTA NEGERI MELAKA
(IPIS)**

Proses Utama;

1. Mengemukakan Surat Hasrat / Permohonan

Oleh;

- i. Syarikat
- ii. Pertubuhan
- iii. Yayasan
- iv. Jemaah Pengurusan Sekolah
- v. Persendirian

Kemukakan;

Overview penubuhan sekolah.

2. Permohonan Penubuhan

Kemukakan;

- a. Jenis Sekolah
- b. Kewangan
- c. Lokasi, Tanah, Premis dan kemudahan
- d. Ahli Lembaga Sekolah / Jemaah Pengurusan Sekolah
- e. Penamaan Sekolah
- f. Kurikulum diperakui MAIM/JAIM
- g. Pengambilan dan Penempatan murid
- h. Guru Besar/Pengetua berkelayakan dan bertauliah
- i. Tenaga pengajar asing berkelayakan dan bertauliah
- j. Guru-guru berkelayakan dan bertauliah
- k. Nisbah Kelas: Murid

l. Yuran pengajian

m. Permohonan

n. Persembahan

3. Kelulusan Penubuhan

Surat Kelulusan Penubuhan dikeluarkan sah laku bagi tempoh 2 tahun.

4. Permohonan Pendaftaran

Premis siap dibina dengan Kebenaran Menduduki.

Mengisi Borang Permohonan Pendaftaran.

Mengemukakan surat Sokongan 3 agensi:

1. Sokongan PBT
2. Sokongan BOMBA
3. Sokongan Jabatan Kesihatan

5. Perakuan Pendaftaran

Perakuan Pendaftaran dikeluarkan sah laku bagi tempoh 2 tahun.

**SYARAT AM BAGI PENUBUHAN DAN PENDAFTARAN
INSTITUSI PENDIDIKAN ISLAM SWASTA NEGERI MELAKA**

BIL	PERKARA	CATATAN	KEPERLUAN
		Mengemukakan Surat Hasrat	
1	Pemilik/Syarikat	Pemilik boleh merupakan; i. Syarikat ii. Pertubuhan iii. Yayasan iv. Individu	Contoh Surat Hasrat / Permohonan, Surat Jawapan bertempoh 6 bulan dgn sk ke agensi teknikal
		Permohonan Penubuhan	
2	Kewangan	Mempunyai kewangan yang berkeupayaan menjalankan operasi sebuah sekolah	Penyata kewangan
3	Lokasi, Tanah, Premis dan kemudahan	Hak milik sendiri, Sewaan, Pajakan atau Wakaf Penggunaan lokasi, premis dan tanah adalah tertakluk kepada sokongan Pihak Berkuasa Tempatan. Kawasan persekitaran adalah kondusif untuk menjalankan aktiviti pendidikan.	Penyataan status tanah dan premis atau surat kebenaran penggunaan oleh pemilik
4	Lembaga Pengelola Sekolah	Minimum 7 orang (termasuk pengerusi) Pengetua secara automatik bertindak sebagai setiausaha lembaga.	Senarai Ahli Lembaga Sekolah yang diperakui

5	Penamaan Sekolah	Pendaftar Sekolah adalah berhak meluluskan penamaan sesebuah sekolah.	
6	Kurikulum	Mempunyai pernyataan kurikulum atau sukatan pelajaran yang dijalankan di sekolah dan diperakui oleh Jabatan Agama Islam Melaka	Kurikulum atau sukatan pelajaran yang diperakui.
7	Pengambilan dan Penempatan murid	Pengambilan murid warga asing hendaklah dengan sokongan Jabatan Agama Islam Melaka Bahagian Pendidikan dan kelulusan Jabatan Imigresen Malaysia. Penempatan murid hendaklah mengikut peringkat kelas masing-masing.	
8	Guru Besar/Pengetua	Hendaklah mempunyai kelayakan profesional dan ikhtisas atau berpengalaman dalam mentadbirkan urusan pendidikan. Seorang pengetua hendaklah sentiasa berada di sekolah tersebut untuk menguruskan urusan pentadbiran sekolah berkenaan. Tidak dibenarkan seorang pengetua untuk mentadbirkan lebih daripada sebuah sekolah	
9	Tenaga	Mempunyai tauliah mengajar	Visa imigresen

	pengajar asing	<p>agama Islam dari pihak berkuasa agama negeri (Jabatan Mufti Melaka) bagi pengajaran agama Islam.</p> <p>Hendaklah mempunyai visa dan pas pengajian yang dikeluarkan oleh Jabatan Imigresen Malaysia (JIM).</p> <p>Mempunyai kelayakan akademik dan ikhtisas serta kontrak perkhidmatan dengan pihak sekolah.</p>	Pas pengajian Tauliah mengajar
10	Guru-guru	<p>Mempunyai kemahiran mengendalikan pengajaran dan pembelajaran.</p> <p>Sebaik-baiknya mempunyai tauliah atau perakuan mengajar agama Islam dari pihak berkuasa agama negeri (Jabatan Mufti Melaka) bagi pengajaran agama Islam.</p>	Tauliah mengajar
11	Nisbah Guru : Murid	Kadar maksima 1 : 35	
12	Yuran pengajian	Hendaklah bersesuaian dan direkod semasa pembuat Pendaftaran Sekolah Agama.	
13	Permohonan	Permohonan hendaklah dengan menggunakan Borang Permohonan Penubuhan Sekolah Agama yang dikeluarkan oleh Pendaftar Sekolah Agama.	Borang Permohonan Penubuhan

		Pendaftar Sekolah Agama berhak mengenakan bayaran permohonan.	
14	Persembahan	Permohonan yang mendapat pertimbangan kelulusan boleh dipanggil untuk membentangkan cadangan sekolah kepada jawatankuasa pendaftaran.	
		Kelulusan Penubuhan	
15	Surat kelulusan penubuhan	Surat kelulusan penubuhan adalah sah untuk tempoh dua tahun sahaja. Kelulusan ini tidak boleh dipindah milik atau premis berpindah tempat/lokasi dalam tempoh tersebut.	Surat Kelulusan Penubuhan
		Permohonan Pendaftaran	
16	Pendaftaran sekolah	Permohonan hendaklah dengan menggunakan Borang Permohonan Pendaftaran Sekolah Agama yang dikeluarkan oleh Pendaftar Sekolah Agama. Pendaftar Sekolah Agama berhak mendaftarkan atau tidak mendaftarkan sesebuah sekolah agama atas pertimbangan sewajarnya.	Mengisi Borang Permohonan Pendaftaran.
	Premis	Premis siap dibina dengan Kebenaran Menduduki.	Surat Kebenaran

			Menduduki
	Surat Sokongan	Mengemukakan surat Sokongan 3 agensi: 1. Sokongan PBT 2. Sokongan BOMBA 3. Sokongan Jabatan Kesihatan	
17	Maklumat dan Data	Pihak sekolah hendaklah menghantar data dan maklumat berhubung murid, guru atau apa-apa maklumat lain yang berkaitan dari masa ke masa kepada Pendaftar dan mengmaskini maklumat dalam Sistem Maklumat Pendidikan Islam (SIMPENI)	
		Perakuan Pendaftaran	
18	Perakuan Pendaftaran	Tempoh sah laku bagi tempoh 2 tahun beserta bayaran fee	Perakuan Pendaftaran RM150 untuk sekolah Rendah. RM200 untuk sekolah Menengah
		Pendaftaran Sementara	
	Pendaftaran sementara dibuat bagi kes:	Bagi permohonan pendaftaran yang telah memenuhi semua syarat kecuali mengemukakan surat sokongan 3 agensi.	
	Tempoh	Dua tahun beserta bayaran fee	Perakuan Pendaftaran

			Sementara RM150 untuk sekolah Rendah. RM200 untuk sekolah Menengah
	Pembaharuan Pendaftaran Sementara	Atas pertimbangan Pendaftar (JABATAN AGAMA ISLAM MELAKA BAHAGIAN PENDIDIKAN)	

Kemaskini7 Disember 2017
Abd.Kadir Husin